

PERSATUAN WANITA UNIVERSITI
UNIVERSITI MALAYA



10

SEMINAR WANITA DAN UNDANG-UNDANG

24 - 26 OGOS 1981

**PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN -
UNDANG-UNDANG ISLAM**

Oleh

**PROFESOR DATUK AHMAD IBRAHIM
DEKAN
FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI MALAYA**

**SESI SATU
ISNIN 24 OGOS 1981
10.30 - 12.30 PAGI**

UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

1. KELUARGA DI DALAM ISLAM

(a) Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang dari berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat serta taat kepada Allah dan Rasulnya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Surah At-Taubah (9), Ayat 71).

(b) Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah mencipta kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu. Sesungguhnya Allah maha Mengetahui, lagi Mendalam Pengetahuannya. (Surah Al-Hujuraat (49) Ayat 13).

(c) Maka Tuhan mereka perkenankan doa mereka dengan firmannya "Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang-orang yang beramal dari kalangan kamu, sama ada lelaki atau perempuan - kerana setengah kamu adalah keturunan dari setengah yang lain". (Surah Ali - 'Imran (3) Ayat 195).

(d) Orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; maka berusahalah kamu dan pohonlah kepada Allah akan limpah kurniannya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. (Surah An-Nisa'a (4) Ayat 32).

(e) Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu bermula dari diri yang satu dan yang menjadikan daripadanya pasangannya dan juga yang membiakkan dari kedua-duanya zuriat

keturunan lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namanya serta peliharalah hubungan kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati kamu. (Surah An-Nisaa' Ayat 1).

(f) Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayang dan doakanlah untuk mereka dengan berkata "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil". (Surah Al-Israa (17) Ayat 24).

(g) Dan kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya". (Surah Al-Ankabat (29) Ayat 8).

(h) Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka. (Surah Al-Baqarah (2), Ayat 187).

(i) Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajiban yang ditanggung oleh mereka terhadap suami dengan cara yang sepatutnya; dalam pada itu orang-orang lelaki mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan. Dan ingatlah Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Surah Al-Baqarah (2) Ayat 228).

(j) Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki dengan beberapa keistimewaan atas orang-orang perempuan dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan dan memberi nafkah sebahagian dari harta mereka". (Surah An-Nisaa' (4) Ayat 34).

(k) Sesiapa yang beramal salih, dari lelaki dan perempuan sedang ia beriman maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan

yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan (Surah An-Nahl (16) Ayat 97).

(1) Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah dan hari akhirat dan segala malaikat dan segala kitab dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya - sedang ia menyayangnya - kepada kaum kerabat dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjakan seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janji apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan dan juga dalam masa bertempuran dalam perjuangan. Orang-orang yang demikian sifatnya, mereka itulah orang-orang yang benar beriman dan mengerjakan kebajikan - dan mereka itulah orang-orang yang bertaqwa. (Surah Al-Baqarah (2) Ayat 177).

2. PERKAHWINAN

(a) Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Nya, bahawa Ia menciptakan kamu dari tanah; setelah sempurna sahaja peringkat-peringkat kejadian kamu, kamu menjadi manusia yang hidup bertaburan di muka bumi.

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Nya dan rahmat Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan

dijadikan Nya di antara kamu suami isteri perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan yang menimbulkan kesedaran bagi orang yang berfikir. (Surah Ar-Ruum (30) Ayat 21).

(b) Dan Allah menjadikan bagi kamu dari diri kamu sendiri pasangan-pasangan dan dijadikan bagi kamu dari pasangan kamu anak-anak dan cucu-cicit serta dikurniakan kepada kamu dari benda-benda yang baik lagi halal; maka patutlah mereka percaya kepada perkara yang salah dan mereka kufur pula akan nikmat Allah. (Surah An-Nahl (16) Ayat 72).

(c) Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai dan sediakanlah amal-amal yang baik untuk diri kamu; dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya kamu akan menemui Nya pada hari akhirat kelak. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman. (Surah Al-Baqarah (2) Ayat 223).

(d) Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Nya dan rahmat Nya bahawa ia menciptakan untuk kamu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikan Nya di antara kamu suami isteri perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan yang menimbulkan kesedaran bagi orang-orang yang berfikir. (Surah Ar-Ruum (30) Ayat 21).

(e) Dan kahwinkanlah orang-orang bujang lelaki dan perempuan dari kalangan kamu, dan orang-orang yang salih dari hamba-hamba kamu. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia Nya, kerana Allah Maha Luas rahmat Nya dan limpah kurnia Nya lagi

Maha Mengetahui.

Dan orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin, hendaklah mereka menjaga kehormatannya sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnianya. (Surah An-Nur (24), Ayat 32-33).

(f) Dan jika kamu hendak mengambil isteri baharu menggantikan isteri yang lama yang kamu ceraikan sedang kamu telahpun memberikan kepada seseorang di antaranya iaitu isteri yang diceraikan itu harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil sedikit pun dari harta itu. Patutlah kamu mengambilnya dengan cara yang tidak benar dan yang menyebabkan dosa yang nyata.

Dan bagaimana kamu tergamak mengambil balik pemberian itu padahal kasih mesra kamu telah terjalin antara satu dengan lain, dan mereka pula iaitu isteri-isteri kamu itu telah mengambil perjanjian yang kuat (mithaq) daripada kamu? (Surah An-Nisa (4) Ayat 20-21).

(g) Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. (Surah Al-Maa'idah (5) Ayat 1).

3. MEMINANG

(a) Dan tidak ada salahnya bagi kamu tentang apa yang kamu bayangkan secara sindiran untuk meminang perempuan yang kematian suami dan masih dalam iddah atau tentang kamu menyimpan dalam hati keinginan berkahwin dengan mereka. Allah mengetahui bahawa kamu akan menyebut-nyebut atau mengingatkan mereka yang demikian itu tidaklah salah, akan tetapi janganlah kamu membuat janji dengan mereka dengan sulit, selain dari menyebut kata-kata secara sindiran yang sopan. Dan janganlah kamu menetapkan dengan

bersungguh-sungguh hendak melakukan akad nikah sebelum habis iddah yang ditetapkan. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah mengetahui apa yang ada dalam hati kamu, maka beringat-ingatlah kamu akan kemurkaan Nya dan ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyabar."

(Surah Al-Baqarah (2) Ayat 235).

4. PERKAHWINAN DENGAN ORANG BUKAN ISLAM

(a) Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan kafir mushrik sebelum mereka beriman dan memeluk agama Islam dan sesungguhnya seorang hamba perempuan yang beriman itu lebih baik daripada perempuan kafir mushrik, sekalipun keadaannya menarik hati kamu. Dan janganlah kamu kahwinkan perempuan-perempuan Islam dengan lelaki kafir mushrik sebelum mereka beriman dan memeluk agama Islam. Dan sesungguhnya seorang hamba lelaki yang beriman lebih baik daripada seorang lelaki mushrik sekalipun keadaannya menarik hati kamu. Yang demikian ialah kerana orang-orang kafir itu mengajak ke neraka, sedang Allah mengajak ke syurga dan memberi keampunan dengan izinnya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayat Nya kepada umat manusia, supaya mereka dapat mengambil pelajaran daripadanya. (Surah Al-Baqarah (2), Ayat 221).

(b) Pada masa ini dihalalkan kamu memakan makanan yang lazat-lazat serta baik-baik. Dan makanan sembelihan orang-orang yang diberi kitab itu adalah halal bagi kamu dan makanan sembelihan kamu adalah halal bagi mereka. Dan dihalalkan kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang menjaga kehormatannya di antara perempuan-perempuan yang beriman dan juga perempuan-perempuan yang menjaga kehormatannya dari kalangan orang-orang yang diberikan kitab dahulu daripada kamu apabila kamu beri mereka maskahwinnya, sedang kamu dengan cara yang demikian bernikah bukan

berzina dan bukan pula kamu mengambil mereka menjadi perempuan-perempuan simpanan. Dan sesiapa yang ingkar sesudah ia beriman, maka sesungguhnya gugurlah amalannya dan adalah ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi. (Surah Al-Maa'iddah (5), Ayat 5).

5. PERKAHWINAN YANG DILARANG

(a) Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang telah diperisterikan oleh bapa kamu, kecuali apa yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya perbuatan itu adalah satu perkara yang keji dan dibenci oleh Allah, serta menjadi seburuk-buruk jalan.

Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang berikut: ibu-ibu kamu dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu dan saudara-saudara ibu kamu dan anak-anak saudara kamu dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu dan saudara-saudara susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu dan anak-anak tiri yang dalam pemeliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah campuri; tetapi kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu dan kamu telah pun menceraikan mereka maka tiadalah salah kamu berkahwin dengannya. Dan haram juga bagi kamu berkahwin dengan bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu. Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali untuk menjadi isteri-isteri kamu, kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Dan diharamkan juga kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan isteri orang, kecuali hamba sahaya yang kamu miliki. Haramnya segala yang tersebut itu ialah satu ketetapan hukum Allah yang diwajibkan atas kamu. Dan sebaliknya dihalalkan bagi kamu perempuan-perempuan yang lain

daripada yang tersebut itu untuk kamu mencari isteri dengan harta kamu secara bernikah, bukan secara berzina. (Surah An-Nisa'a (4) Ayat 22-24).

6. POLIGAMI

(a) Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka) maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan lain; dan tiga atau empat. Kemudian jika kamu tidak akan berlaku adil di antara isteri-isteri kamu berkahwinlah dengan seorang sahaja atau hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat untuk mencegah supaya kamu tidak melakukan kezaliman. (Surah An-Nisa'a (4) Ayat 31).

(b) Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh hendak melakukannya; oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau-lampau berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung di awang-awang; dan jika kamu memperbaiki keadaan yang pincang itu dan memelihara diri dari perbuatan yang zalim maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Surah An-Nisa'a (4) Ayat 129).

7. MASKAHWIN

(a) Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin (sadugah) mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwinnya maka makanlah dan gunakanlah pemberian yang halal itu sebagai nikmat yang lazat lagi baik kesudahannya. (Surah An-Nisaa' (4) Ayat 4).

(b) Dan diharamkan bagi kamu perempuan-perempuan lain daripada yang tersebut itu, untuk kamu mencari isteri dengan harta kamu secara bernikah bukan secara berzina. Kemudian mana-mana perempuan yang kamu nikmati percampuran dengannya setelah ia menjadi isteri kamu, maka berilah kepada mereka maskahwinnya dengan sempurna sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan oleh Allah. Dan tiadalah kamu berdosa mengenai sesuatu persetujuan yang telah dicapai bersama oleh kamu suami isteri sesudah ditetapkan maskahwin itu tentang cara pembayarannya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (Surah An-Nisa'a (4) Ayat 24).

8. ZINA

(a) Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat yang membawa kerosakan. (Surah Al-Israa' (17), Ayat 32).

(b) Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman. (Surah An-Nur (24) Ayat 2).

(c) Lelaki yang berzina (lazimnya) tidak ingin berkahwin melainkan dengan perempuan yang berzina atau perempuan musyrik; dan perempuan yang berzina itu pula (lazimnya) tidak ingin berkahwin melainkan dengan lelaki yang berzina atau lelaki musyrik. Dan perkahwinan yang demikian itu terlarang kepada orang-orang yang beriman. (Surah An-Nur (24) Ayat 3).

(d) Dan orang-orang yang melimparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawa empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik; -

Kecuali orang-orang yang bertaubat sesudah itu (dari kesalahannya yang tersebut) serta memperbaiki amalannya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Surah An-Nur (24) Ayat 4-5).

(e) Dan orang-orang yang menuduh isterinya berzina, sedang mereka tidak ada saksi-saksi (yang mengesahkan tuduhannya itu) hanya dirinya sendiri, maka persaksian (yang sah pada syara' bagi seseorang yang menuduh itu hendaklah ia bersumpah dengan nama Allah, empat kali, bahawa sesungguhnya ia dari orang-orang yang benar; -

Dan sumpah yang kelima (hendaklah ia berkata): Bahawa la'nat Allah akan menimpa dirinya jika ia dari orang-orang yang dusta.

Dan bagi menghindarkan hukuman seksa dari isteri (yang kena tuduh) itu hendaklah ia bersumpah dengan nama Allah, empat kali, bahawa suaminya (yang menuduh) itu sesungguhnya adalah dari orang-orang yang berdusta:-

Dan sumpah yang kelima (hendaklah ia berkata); bahawa kemurkaan Allah akan menimpa dirinya jika suaminya dari orang-orang yang benar. (Surah An-Nur (24) Ayat 6-9).

9. PERHUBUNGAN SUAMI ISTERI

(a) Dan bergaullah kamu dengan isteri-isteri kamu dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu merasai benci kepada mereka disebabkan

tingkahlakunya, janganlah kamu berburu-buru menceraikannya, kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak untuk kamu. (Surah An-Nisa' (4) Ayat 19).

(b) Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan resekinya maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya sekadar yang mampu; Allah tidak memberati seseorang melainkan sekadar kemampuan yang diberikan Allah kepadanya. Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan. (Surah At-Talaq (65) Ayat 7).

(c) Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi mereka yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seorang ibu itu menderita kerana anaknya dan jangan juga menjadikan seorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika sibapa tiada). Kemudian jika keduanya suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan yang telah dicapai oleh mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah melakukannya. Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan upah yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat apa jua yang kamu lakukan. (Surah Al-Baqarah (2) Ayat 233).

(d) Tempatkahlah isteri-isteri kamu itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu; dan janganlah kamu adakan sesuatu yang

menyakiti mereka di tempat tinggal itu dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka. Dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya; kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan berundinglah di antara kamu dalam hal menyusunya dengan cara yang baik. Dan sebaliknya jika kamu mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya. (Surah At-Talaaq (65) Ayat 6).

(e) Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang dan hendaklah engkau tahan bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, bahkan Kami lah yang memberi rezeki kepadamu. Dan ingatlah kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa. (Surah Taha (20) Ayat 132).

(f) Dan mereka bertanya kepada mu mengenai hukum haid. Katakanlah "Darah haid itu satu benda yang mendatangkan mudarat". Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan iaitu jangan bersetubuh dengan isteri kamu dalam masa datang darah haid itu dan janganlah kamu hampiri mereka untuk bersetubuh sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri. (Surah Al-Baqarah (2), Ayat 222).

(g) Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nushuz) hendaklah kamu menasihati mereka dan jika mereka berdegil pulaukanlah mereka di tempat tidur dan kalau juga masih degil pukullah mereka dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajar mereka.

Kemudian jika mereka taat kepada kamu maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar". (Surah An-Nisaa' (4) Ayat 34).

(h) Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya "nusyuz" (kebencian) atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka suami isteri membuat perdamaian di antara mereka berdua secara yang sebaik-baiknya, kerana perdamaian itu lebih baik daripada bercerai berai; sedang sifat bakhil kedekut dan tidak suka memberi atau bertoalk ansur itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik dalam pergaulan dan mencegah diri daripada melakukan kezaliman maka sesungguhnya Allah Maha Mendalam Pengetahuan Nya akan apa yang kamu lakukan. (Surah An-Nisaa' (4) Ayat 128).

(i) Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua suami isteri maka lantiklah orang tengah untuk mendamaikan mereka iaitu seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua orang tengah itu dengan ikhlas bertujuan hendak mendamaikan nescaya Allah akan menjadikan kedua suami isteri itu berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui lagi Amat Mendalam Pengetahuan Nya. (Surah An-Nisaa' (4) Ayat 35).

9. TALAQ

(a) Dan jika keduanya bercerai (selepas berikhtiar dan berlaku baik) maka Allah akan cukupkan keperluan masing-masing dari limpah kurnia Nya. Dan ingatlah Allah maha luas limpah kurnia Nya; lagi Maha Bijaksana (Surah An-Nisaa' (4) Ayat 130).

(b) Talaq yang boleh diruju' kembali itu hanya dua kali. Sesudah

itu bolehlah ia ruju' dan memegang terus isterinya itu dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan dan menceraikannya dengan cara yang baik. ---

Sesudah diceraikan dua kali, jika diceraikan pula bagi kali yang ketiga, maka perempuan itu tidak halal bagi baginya sesudah itu, sehingga ia berkahwin dengan suami yang lain. Setelah itu kalau ia diceraikan oleh suami baharu itu dan habis iddahnya, maka mereka berdua (suami lama dan bekas isterinya) tidaklah berdosa untuk kembali berkahwin semula, jika mereka kuat menyangka akan dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah. Dan itulah aturan hukum Allah diterangkannya kepada kaum yang mahu mengetahui dan memahaminya. Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri kamu kemudian mereka hampir habis tempoh iddahnya maka bolehlah kamu ruju' mereka dengan cara yang baik atau lepas mereka dengan cara yang baik.

228) Dan janganlah kamu ruju' semula mereka dengan maksud memberi mudarat, kerana kamu hendak melakukan kezaliman terhadap mereka; dan sesiapa yang melakukan demikian maka sesungguhnya dia menganiaya dirinya sendiri. Dan janganlah kamu menjadikan ayat-ayat hukum Allah itu sebagai ejekan-ejekan dan permainan. Dan kenanglah nikmat Allah yang diberi kepada kamu, dan kenanglah apa yang diturunkan kepada kamu iaitu Kitab Al-Quran dan ilmu hikmat untuk memberi pengajaran kepada kamu dengannya. Dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri kamu lalu habis masa iddah mereka, maka janganlah kamu menahan mereka daripada berkahwin semula bekas suami mereka, apabila mereka (lolaki dan perempuan itu) bersetuju sesama sendiri dengan cara yang baik. Demikianlah diberi ingatan dan pengajaran dengan itu kepada sesiapa di antara kamu yang beriman kepada

Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik bagi kamu dan lebih suci. Dan ingatlah Allah mengetahui akan apa juga yang baik untuk kamu sedang kamu tidak mengetahuinya. (Surah Al-Baqarah (2), Ayat 229-232).

10. IDDAAH

(a) Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka dari berkahwin selama tiga kali suci dari haid. Dan tidaklah halal bagi mereka menyembunyikan dan tidak memberitahu tentang anak yang dijadikan oleh Allah dalam kandungan rahim mereka, jika betul mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat. Dan suami-suami mereka berhak mengambil kembali dan ruju' akan isteri-isteri itu dalam masa iddah mereka jika suami-suami bertujuan untuk berdamai. (Surah Al-Baqarah (2) Ayat 228).

(b) Apabila kamu hendak menceraikan isteri-isteri kamu maka ceraikanlah mereka pada masa mereka mendapat memulakan iddahnya dan hitunglah masa iddah itu dengan betul, serta bertaqwalah kepada Allah, Tuhan kamu. Janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah-rumah kediamannya sehingga selesai iddahnya dan janganlah pula dibenarkan mereka keluar dari situ kecuali jika mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan itulah aturan-aturan hukum Allah maka janganlah kamu melanggarnya; dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah maka sesungguhnya ia telah berlaku zalim kepada dirinya. Patuhilah hukum-hukum itu kerana engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan, sesudah itu, sesuatu perkara yang lain.

Kemudian apabila mereka hampir habis tempoh iddahya maka bolehlah kamu ruju' mereka dengan cara yang baik atau lepaskan mereka dengan cara yang baik; dan adakanlah dua orang saksi yang adil di

antara kamu semasa kamu merujuk atau melepaskannya; dan hendaklah kamu yang menjadi saksi menyempurnakan persaksian itu kerana Allah semata-mata. Dengan hukum-hukum yang tersebut diberi peringatan dan pengajaran kepada sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan yang keluar dari segala perkara yang menyusahkannya. (Surah At-Talaq (65), Ayat 1-2).

(c) Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haid - jika kamu menaruh syak terhadap tempoh iddah mereka maka iddahnya ialah tiga bulan; dan demikian juga iddah perempuan-perempuan yang tidak terhaid. Dan perempuan-perempuan yang mengandung tempoh iddah-nya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya. Dan ingatlah sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya segala utusannya. (Surah At-Talaq (65), Ayat 4).

11. MASKAHWIN DAN MUTA'AH

(a) Tidaklah kamu bersalah (dan tidaklah kamu menanggung bayaran maskahwin) jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu bercampur dengan mereka atau sebelum kamu menetapkan maskahwin untuk mereka. Walaupun demikian hendaklah kamu memberi muta'ah (pemberian saguhati) kepada mereka yang diceraikan itu: suami yang senang hendaklah membayar saguhati itu menurut ukuran kemampuannya; dan suami yang sudah pula menurut ukuran kemampuannya; sebagai pemberian saguhati menurut yang patut, lagi menjadi satu kewajipan atas orang-orang yang mahu berbuat kebaikan.

Dan jika kamu menceraikan mereka sebelum kamu bercampur dengan mereka, padahal kamu sudah menetapkan kadar maskahwin untuk mereka,

maka mereka berhak mendapat separuh dari maskahwin yang telah kamu tetapkan itu, kecuali jika mereka memaafkannya dan tidak menuntutnya; atau pihak yang memegang ikatan nikah itu memaafkan dan memberikan maskahwin itu dengan sepenuhnya. Dan perbuatan kamu bermaaf-maafan itu lebih hampir kepada taqwa. Dan janganlah pula kamu lupa berbuat baik dan berbudi sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat. (Surah Al-Baqarah (2) Ayat 236-237).

(b) Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuhnya, maka tiadalah kamu berhak terhadap mereka mengenai sebarang iddah yang kamu boleh hitungkan masanya. Oleh itu berilah pemberian saguhati (muta'ah) kepada mereka dan lepaskanlah mereka dengan cara yang sebaik-baiknya. (Surah Al-Ahzab (33), Ayat 49).

12. KHOLO'

(a) Dan tidaklah halal bagi kamu mengambil balik sesuatu dari apa yang telah kamu berikan kepada mereka (isteri-isteri yang diceraikan itu), kecuali jika keduanya suami isteri takut tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah. Oleh itu kalau kami khawatir bahawa kedua-duanya tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah, tidaklah mereka berdosa mengenai bayaran (tebus talak) yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya dan mengenai pengambilan suami akan bayaran itu. Itulah aturan-aturan hukum Allah maka janganlah kamu melanggarnya; dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah, maka mereka itulah orang yang zalim. (Surah Al-Baqarah (2), Ayat 229).

(b) Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua suami isteri maka lantiklah orang tengah (hakam) untuk mendamaikan mereka

itu iaitu seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua orang tengah itu dengan ikhlas bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua suami isteri itu berpakat baik.

Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat Dalam pengetahuan Nya."

(Surah An-Nisaa (4) Ayat 35).

13. WARISAN

(a) Diwajibkan atas kamu apabila seorang di antara kamu kedatangan tanda-tanda maut jika ia meninggalkan harta yang banyak berwasiat untuk ibu bapanya dan karib kerabat secara ma'aruf. Ini adalah kewajipan atas orang yang bertekun. (Surah Al-Baqarah (2), Ayat 180).

(b) Allah mensyariatkan bagimu tentang pembahagian pusaka untuk anakmu, iaitu bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan. Jika anak itu semuanya perempuan lebih dari dua, maka bagi mereka dua pertiga dari harta yang ditinggalkan. Jika anak perempuan itu seorang saja, maka ia memperoleh separuh harta. Dan untuk dua orang ibu bapa bagi masing-masingnya seperenam dari harta yang ditinggalkan, jika yang meninggal itu mempunyai anak; jika orang yang meninggal itu tidak mempunyai anak dan ia diwarisi oleh ibu bapanya sahaja, maka ibunya mendapat sepertiga; jika yang meninggal itu mempunyai beberapa saudara, maka ibunya mendapat seperenam. Pembahagian tersebut di atas sesudah dipenuhi wasiat yang ia buat atau dan sesudah dibayar hutangnya. Tentang orang tuamu dan anak-anakmu, kamu tidak mengetahui siapa di antara mereka yang lebih dekat menfaatnya bagimu. Ini adalah ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana".

(Surah An-Nisaa (4), ayat 11).

(c) Dibagimu suami-suami seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri mu jika mereka tidak mempunyai anak. Jika isteri-isteri mu itu mempunyai anak, maka kamu mendapat seperempat dari harta yang ditinggalkannya sesudah dipenuhi wasiat yang mereka buat dan sesudah dibayar hutangnya. Para isteri-isteri memperoleh seperempat harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Jika kamu mempunyai anak, maka para isteri memperoleh seperdelapan dari harta-harta yang kamu tinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang kamu buat dan sesudah dibayar hutang-hutangmu. Jika seseorang mati, baik laki-laki maupun perempuan yang tidak meninggalkan anak tetapi mempunyai seorang saudara laki-laki atau seorang saudara perempuan maka bagi masing-masing dari kedua jenis saudara itu seperenam harta. Tetapi jika saudara-saudara itu lebih dari seorang maka mereka bersekutu dalam sepertiga itu, sesudah dipenuhi wasiat yang dibuat olehnya atau sesudah dibayar hutangnya dengan tidak memberi mudharat kepada ahli waris. Allah menetapkan yang demikian itu sebagai syariat yang benar-benar dari Allah dan Allah maha Mengetahui lagi Maha Pengampun. (Surah An-Nisaa (4), Ayat 12).

(d) Mereka meminta fatwa kepadamu tentang kalalah. Katakanlah "Allah memberi fatwa kepadamu tentang kalalah yaitu - Jika seorang meninggal dunia, dan ia tidak mempunyai anak dan mempunyai saudara perempuan maka bagi saudaranya yang perempuan itu seperdua dari harta yang ditinggalkan dan saudara yang lelaki mempunyai seluruh harta saudara perempuan, jika ia tidak mempunyai anak; tetapi jika saudara perempuan itu dua orang, maka bagi keduanya dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh yang meninggal. Dan jika mereka ahli waris itu terdiri dari saudara laki-laki dan perempuan, maka bahagian seorang saudara lelaki sebanyak bahagian dua orang saudara perempuan. Allah menerangkan

hukum ini kepadamu, supaya kamu tidak sesat. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu. (Surah An-Nisaa (4) Ayat 176).

(e) Bagi orang laki-laki ada hak bagian dari harta peninggalan ibu bapanya dan kerabatnya dan bagi orang wanita ada hak bahagian pula dari harta peninggalan ibu bapanya dan kerabatnya, baik sedikit atau banyak menurut bahagian yang telah ditetapkan. (Surah An-Nisaa (4) Ayat 7).